

**NOTA MAKLUMAN  
MENGENAI  
KEJADIAN KEBAKARAN KAWASAN BELUKAR TANAH GAMBUT  
BERSEBELAHAN KM 27.5 LEBUHRAYA ELITE, SEPANG, SELANGOR  
PADA 02 MAC 2016**

## **TUJUAN**

Nota makluman ini adalah untuk memaklumkan status siasatan dan tindakan berhubung kes kejadian kebakaran kawasan belukar tanah gambut di bawah laluan talian voltan tinggi Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersebelahan KM 27.5 Lebuhraya Elite arah Utara.

## **LATAR BELAKANG**

2. Pada 02 Mac 2016, jam 6.30 petang Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Sepang telah mendapat maklumat awal melalui aplikasi *whatsapp group* Bencana Daerah Kuala Langat mengenai kejadian kebakaran di tepi lebuhraya ELITE dari KLIA menghala ke Shah Alam. Hasil maklumat tersebut pasukan siasatan dari JAS Negeri Selangor Cawangan Sepang telah digerakkan ke lokasi untuk menjalankan siasatan pada hari yang sama.

## **PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

3. Hasil siasatan pada 02 Mac 2016, mendapati terdapat kejadian kebakaran belukar tanah gambut di bawah laluan kabel talian voltan tinggi 270 KV, TNB bersebelahan KM 27.5 Lebuhraya ELITE arah utara.

4. Lokasi kebakaran adalah pada kedudukan N:2.869893/E:101.636244 di mana kawasan yang terlibat adalah kawasan belukar tanah gambut yang dianggarkan berkeluasan 40 m x 200 m. Hasil tinjauan berhampiran kawasan terbakar mendapati terdapat aktiviti pertanian dilakukan di kawasan tersebut.

5. Pihak Bomba dari Balai Bomba KLIA, Sepang telah berada di lokasi bagi membuat penilaian awal sebelum tindakan pemadaman dijalankan memandangkan tiada punca air berhampiran lokasi kejadian. Oleh kerana hari telah mulai gelap pihak bomba menjalankan pemantauan di tempat kejadian sebelum menyambung kerja-kerja pemadaman pada keesokan hari.

6. Jarak kawasan kejadian dengan lebuhraya terdekat iaitu Lebuhraya ELITE adalah lebihkurang 100m dan keadaan asap mulai bergerak ke atas lebuhraya dan boleh menyebabkan kacau ganggu kepada pengguna lebuhraya. Manakala

kawasan kediaman terdekat adalah Taman Arked pada jarak 70m tetapi arah tiupan angin telah menyebabkan taman perumahan ini tidak menerima kesan asap kebakaran tersebut.

## **TINDAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR CAWANGAN SEPANG**

7. Menjalankan pemantauan berterusan dengan kerjasama pihak Bomba di kawasan tersebut bagi memastikan kawasan terbakar tidak merebak ke kawasan tanah gambut bersebelahan dan hutan simpan Pulau Kempas yang terletak pada jarak 4.5 km dari tempat kejadian; dan

8. Membuat carian pemilik tanah di Pejabat Tanah dan Daerah Sepang bagi mengetahui status pemilik tanah bagi kawasan yang terlibat.

## **PENUTUP**

9. Dipohon untuk mengambil maklum hasil siasatan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Cawangan Sepang tentang kejadian kebakaran belukar tanah gambut di KM27.5, Lebuhraya ELITE arah utara.

**JABATAN ALAM SEKITAR  
NEGERI SELANGOR  
02 MAC 2016**